



**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM
MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)
DI PELANCARAN PUSAT KAJIAN PONDOK & TALAQQI TURATH
(PONDOK) UNISHAMS**

**PADA : 25 SEPTEMBER 2018
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : DEWAN EKSPERIMEN,
UniSHAMS.**

**TEKS UCAPAN REKTOR UNISHAMS
SEMPENA PELANCARAN PUSAT KAJIAN PONDOK & TALAQQI
TURATH (PONDOK) UNISHAMS**

25 SEPTEMBER 2018 | 9.00 PAGI

DEWAN EKSPERIMEN, UNISHAMS

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله
وصحبه أجمعين...

Terima kasih saudara pengacara majlis,

Yang Berhormat Dato' Ir Pahrolrazi Zawawi

Adun Alor Mengkudu,

**Yang Berbahagia Prof Dr. Md Amin Abdul Rahman al-
Jarumi**

Pengarah Pusat Kajian Pondok & Talaqqi Turath (PONDOK)
UniSHAMS,

Pengurusan Tertinggi UniSHAMS,

Tuan-tuan guru, ahli-ahli akademik, para alim ulama, para
pelajar seterusnya sidang hadirin sekalian.

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini untuk satu program yang tidak kurang pentingnya dalam medan penyebaran ilmu dan dakwah Islam khasnya di negeri Kedah ini.

Pertamanya mewakili UniSHAMS saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada YB. Dato' Ir Pahrolrazi Zawawi

yang sudi hadir bersama-sama kita untuk merasmikan program pada hari ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada tuan-tuan guru pondok yang sudi meluangkan masa untuk hadir pada hari ini demi kelestarian institusi pondok yang sama-sama kita dukung. YB Dato', tuan-tuan guru dan sidang hadirin sekalian.

Saudara dan saudari sekalian,

Sejarah mencatatkan negeri Kedah agama Islam lebih dahulu menerima kedatangan Islam sebelum Melaka. Perkembangan Islam di Nusantara sejajar dengan perkembangan ilmu yang dipelopori oleh institusi pondok tradisional yang berkembang pesat di seluruh Nusantara; Malaysia, Selatan Thailand dan juga Sumatera. Ratusan ulama Nusantara dilahirkan elalui institusi ini bahkan ada yang diberi kepercayaan menabur ilmu di Masjidil Haram dan madrasah-madrasah di Makkah.

Pada zaman serba moden ini, institusi pondok dilihat semakin suram. Daripada berpuluh-puluh pondok yang ada satu ketika dahulu, kini hanya tinggal beberapa buah sahaja lagi yang masih beroperasi. Sebahagian besarnya lebih sebagai pusat aktiviti warga emas untuk mengisi masa terluang, hanya beberapa buah sahaja yang masih aktif menyebarkan ilmu.

Menyedari hakikat ini, UniSHAMS mengambil inisiatif menubuhkan Pusat pengajian Pondok dan Talaqqi Turath atau ringkasnya PONDOK sebagai satu wadah untuk menjalankan kajian-kajian berkaitan institusi pondok dengan harapan hasil-hasil kajian ini boleh membantu memantapkan sistem pengajian pondok yang sedia ada.

Sidang hadirin sekalian,

Satu hakikat yang tidak boleh dinafikan, sistem pengajian pondok secara tradisional ini ada keistimewaan tersendiri yang tidak mungkin ditemui di tempat lain. Kemantapan ilmu, kekuatan jiwa dan keluhuran budi pekerti lulusan pondok sangat dicemburui oleh banyak pihak.

Kita melihat perlunya gembelengan tenaga, kepakaran dan pengalaman antara alim ulama guru-guru pondok dan ahli akademik arus perdana bagi memastikan sistem yang sekian lama wujud ini kekal relevan pada masa kini dan akan datang. YB. Dato' dan tuan-tuan sidang hadirin sekalian,

Antara aktiviti yang dirancangkan oleh PONDOK UniSHAMS ini ialah mengumpul data-data berkaitan pondok seperti sejarah penubuhan, biodata pengasas dan guru-guru, jumlah pelajar semasa dan sebagainya. Data-data ini akan dikaji dan hasilnya akan dikemukakan kepada pihak-pihak berkaitan sama ada

kerajaan, institusi-institusi pondok, UniSHAMS sendiri dan lain-lain untuk mengambil tindakan sewajarnya membantu mereka.

Kita yakin dengan kepakaran dan pengalaman yang ada pada UniSHAMS boleh melakukan sesuatu yang besar faedahnya kepada umat Islam melalui institusi pondok.

YB. Dato' dan sidang hadirin,

Pada hari ini mengambil kesempatan sempena perasmian PONDOK UniSHAMS, kita mengadakan satu seminar Ke Arah Melastarikan Institusi Pengajian Pondok Di Malaysia dengan menjemput para guru, pentadbir pondok dan juga ahli-ahli akademik untuk berkongsi pandangan dan pengalaman berkaitan institusi ini.

Objektif utama seminar pada hari ini ialah:

1. Mengumpulkan para guru, alim ulama serta mereka yang berkaitan dengan pengurusan pondok,
2. Menguar-uarkan kewujudan Pusat Kajian Pondok dan Talaqqi Turath UniSHAMS,
3. Meninjau ruang kerjasama antara UniSHAMS dengan pertubuhan-pertubuhan berkaitan pondok dalam menjayakan aktiviti penyelidikan dan talaqqi turath.

Tuan-tuan, puan-puan, sidang hadirin sekalin,

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan seminar pada hari ini terutamanya YB. Dato' Ir Pahrolrazi Zawawi yang sudi meluangkan masa hadir mermikan seminar pada hari ini.

Terima kasih diucapkan kepada para penyumbang dan penaja seminar yang terdiri daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah, Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia, Gabungan Institusi Pondok dan Tahfiz (GIPTIS) dan Yayasan Wakaf Malaysia.

Tidak dilupakan ahli-ahli jawatankuasa pelaksana seminar, para petugas dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan seminar pada hari ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga kita semua dianugerahkan keikhlasan dalam beramal dan segala apa yang disumbangkan akan dicatat dalam catatan amalan kebajikan InsyaAllah.

Sekian, (وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته)

[TAMAT]